

Headline	RM85 juta buka cawangan McDonald's	Language	MALAY
Date	04. Feb 2009	Page No	N19
Media Title	Sinar Harian	Article Size	320 cm2
Section	Bisnes	Frequency	Daily
Circulation	60000	Color	Full Color
Readership	0	AdValue	1762.15



RM85 juta buka cawangan McDonald's

■ IWAN SHU-ASWAD SHUAIB

PENGENDALI restoran makanan segera McDonald's, Golden Arches Restaurants Sdn Bhd melaburkan perbelanjaan modal (capex) sebanyak RM85 juta pada tahun ini bagi membuka cawangan baru di seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Azmir Jaafar berkata, capex tersebut turut membabitkan peruntukan untuk mengubahsuai 15 cawangan sedia ada kepada wajah baru.

"Keadaan ekonomi yang tidak menentu pada tahun ini merupakan peluang terbaik bagi syarikatnya untuk mengembangkan perniagaan.

"Kami menjangkakan pertumbuhan sebanyak 15 peratus melalui jualan daripada cawangan sedia ada dan restoran baru yang bakal dibuka," katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran McDonald's McValue Lunch di Petaling Jaya, semalam.

Sebanyak 15 hingga 20 cawangan baru akan dibuka dengan memberi tumpuan kepada tiga pasaran utama iaitu Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

Sehingga kini, McDonald's mempunyai 184 restoran di seluruh negara dan menyasarkan lebih 300 cawangan dalam tempoh 10 tahun yang

akan datang.

McDonald's turut meneruskan komitmen untuk membangunkan program francais yang dikendalikan oleh usahawan tempatan.

Setakat ini, terdapat 14 cawangan yang dikendalikan oleh lapan francais dan kami mahu mewujudkan dua lagi francais baru pada tahun ini.

Azmir berkata, kemelesetan ekonomi menyebabkan ramai pelanggan lebih berhati-hati dalam mahukan barangan atau perkhidmatan yang memberikan lebih nilai untuk wang.

"Justeru, penjimatan melalui McValue Lunch yang memberikan diskaun hampir 30 peratus dapat meringankan beban pengguna.

"Kami juga berharap promosi itu memberikan sumbangan antara 10 hingga 15 peratus kepada perolehan keseluruhan," katanya.

Promosi McValue Lunch yang berlangsung sepanjang tahun ini akan bermula 5 Februari (esok) pada setiap hari dari jam 12 tengah hari hingga 3 petang pada hari biasa.

Hidangan tersebut merupakan McValue Meal iaitu McChicken, Filet-O-Fish, Chicken McNuggets dan Double Cheeseburger pada harga promosi hanya RM5.95 setiap satu.



Azmir (kanan) dan Naib Presiden Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Konsumer Golden Arches Restaurants Sdn Bhd, Stephen Chew (kiri) bersama maskot Ronald McDonald's pada majlis pelancaran McDonald's McValue Lunch di Petaling Jaya, semalam.